

Pemimpin Muda Perlu Belajar Pelihara Kestabilan Politik – Muhyiddin Bernama
15 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa pemimpin muda menghargai pengalaman Malaysia memelihara ketenteraman politik dalam usaha meningkatkan tadbir urus yang demokratik.

"Ini merupakan pengajaran utama yang boleh kita peroleh daripada metamorfosis Malaysia.

"Pengalaman kita selama 55 tahun dalam mengekalkan kestabilan politik, keharmonian kaum dan kemajuan ekonomi adalah penuh dengan ilmu dan hikmah yang akan memberi petunjuk kepada kita untuk mengemudi negara ke arah keamanan dan kemakmuran berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan bertajuk 'Metamorfosis Malaysia' pada majlis penutup Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia Keenam di sini.

Muhyiddin berkata ini merupakan proses evolusi ekonomi, politik dan sosial yang menjadikan Malaysia lebih menonjol di kalangan negara membangun.

Muhyiddin berkata Malaysia menikmati pembangunan ekonomi yang pesat tanpa mengorbankan institusi demokratik dan perlembagaan.

"Kami membenarkan politik yang kompetitif untuk berakar umbi dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan agama tanpa mengorbankan kestabilan politik.

"Apa yang paling penting ialah kita terus menikmati keharmonian kaum dan perpaduan sosial dan pada masa sama, menerajui kerajaan dan masyarakat ke arah yang lebih demokratik," katanya.

Bagi mencapai tadbir urus yang demokratik, beliau berkata negara memerlukan tenaga kerja berbakat serta berpengetahuan tinggi untuk menggerakkan negara ke hadapan dalam ekonomi yang dipacu pengetahuan dan inovasi.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata kerajaan perlu terus memperbaiki kualiti pendidikan dan usaha bersepadu yang kini dilakukan menerusi satu proses kajian menyeluruh.

"Ini akan banyak mengubah cara pendidikan disampaikan kepada generasi muda kita.

"Kita akan memberi lebih penekanan kepada kebolehan pelajar membina kemahiran berfikir dan memajukan lagi bakat kreatif mereka, daripada hanya mengajar mereka menghafal fakta dan angka," kata beliau.

Semasa sesi soal jawab ringkas, Muhyiddin ditanya pelajar mengenai isu pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) serta kewajaran mempelajari Pendidikan Moral pada abad ini.

Beliau berkata program PPSMI sepatutnya terhasil lebih baik untuk pelajar jika guru cukup terlatih dan mencapai tahap yang diharapkan.

Faktor-faktor lain melibatkan kepentingan pelajar sama ada mereka dapat menerima hakikat untuk belajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan sedia menghadapi cabaran.

Mengenai Pendidikan Moral, Muhyiddin berkata kementeriannya akan menaik taraf program tersebut sejajar dengan keadaan semasa dan akan mengkajinya semula tidak lama lagi bagi menyediakan program yang lebih baik untuk pelajar.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680739>